

**FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN • FACULTY OF ECONOMICS AND MANAGEMENT**

Rujukan: UKM(S)FEP.100-1/5/2

Tarikh: 5 Oktober 2020

**Semua Staf**

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Datin/Tuan/Puan,

**PENGUMUMAN DEKAN BIL. 7/2020 - Langkah Pencegahan Penularan Wabak COVID-19**

Dengan segala hormatnya merujuk mengenai perkara di atas dan Kenyataan Dalam Bilik Gerakan COVID-19 UKM Bil. 4/2020 iaitu Pemakluman Penutupan Pejabat Naib Canselor, Aras 6, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 5 Oktober 2020 adalah dirujuk.

Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa terdapat satu (1) kes positif COVID-19 telah hadir dalam satu majlis rasmi bersama beberapa warga UKM di Bilik Mesyuarat Canselori, Aras 6, Bangunan Canselori, UKM (Kampus Bangi) pada 4 Oktober 2020.

Oleh yang demikian, semua warga FEP disarankan untuk mengambil langkah berjaga-jaga bagi membendung penularan wabak COVID-19. Oleh yang demikian semua staf FEP adalah dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti berikut:

- a. Tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pembasmi kuman (*hand sanitizer*);
- b. Membawa bersama pelitup mulut dan hidung (*face mask*) serta bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*) untuk digunakan apabila perlu;
- c. Mengelakkan daripada mengunjungi tempat tumpuan orang ramai dan bergaul rapat dengan mana-mana individu yang mempunyai gejala; dan
- d. Segera mendapatkan rawatan perubatan sekiranya mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan, demam, batuk, selsema mahupun kesukaran untuk bernafas.

Sekian, perhatian **SEGERA** YBhg. Prof./Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini diucapkan ribuan terima kasih.Sekian. Salam hormat.

Yang benar,



**PROF. DR. AINI AMAN**

Dekan  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan



**PEJABAT DEKAN, FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 5360 / 5365 Faks: +603-8925 1821 E-mel: dfep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/fep

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)